



**Majlis Peguam
Bar Council Malaysia**

www.malaysianbar.org.my

Wisma Badan Peguam Malaysia
2 Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2050 2050
Fax : +603-2050 2019
Email : council@malaysianbar.org.my

**Circular No 030/2021
Dated 20 Jan 2021**

To Members of the Malaysian Bar and pupils in chambers

SOP for Court Users on Prevention of COVID-19 in All Courts Throughout Malaysia

The Office of the Chief Registrar of the Federal Court of Malaysia has issued an infographic today entitled “Tatacara Operasi Standard Pencegahan Wabak COVID-19 di Mahkamah Seluruh Malaysia bagi Pengguna Mahkamah”, pertaining to the standard operating procedure (“SOP”) for Court users on the prevention of the COVID-19 pandemic in all the Courts throughout Malaysia.

Please click [here](#) (see page 2 onwards) to view the infographic.

We hope that the information provided here is of assistance.

Stay safe.

**A G KALIDAS
Secretary
Malaysian Bar**



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA

TATACARA OPERASI STANDARD PENCEGAHAN WABAK COVID-19 DI MAHKAMAH SELURUH MALAYSIA BAGI PENGGUNA MAHKAMAH



Badan Kehakiman Malaysia sentiasa prihatin tentang kesihatan, keselamatan dan kebajikan pengguna Mahkamah semasa penularan wabak Coronavirus 2019 (COVID-19). Selaras dengan itu, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) mengeluarkan Tatacara Operasi Standard Pencegahan Wabak COVID-19 di Mahkamah Seluruh Malaysia (SOP) bagi pengguna Mahkamah untuk memastikan proses pentadbiran keadilan berjalan dalam keadaan selamat, teratur dan lancar serta akses kepada keadilan tidak terjejas

TARIKH KUAT KUASA


SOP ini mula berkuat kuasa pada **27 Januari 2021**.

PEMAKAIAN

1. SOP ini terpakai bagi semua peringkat Mahkamah di seluruh Malaysia.
2. SOP ini menggantikan **Tatacara Pengendalian Piawai Pencegahan Wabak COVID-19 di Mahkamah Seluruh Malaysia Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** yang dikeluarkan oleh PKPMP pada 3 Mei 2020.

TANGGUNGJAWAB

PENGGUNA MAHKAMAH



Pengguna Mahkamah –

- 1.** adalah DILARANG untuk hadir ke Mahkamah jika –
 - (a) disahkan positif COVID-19;
 - (b) suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius;
 - (c) bergejala seperti demam, batuk, selsema atau sesak nafas;
 - (d) merupakan kontak rapat kepada kes positif COVID-19;
 - (e) telah dikategorikan sebagai *Person Under Investigation* (PUI) / *Person Under Surveillance* (PUS); atau
 - (f) telah menjalani ujian calitan (*swab test*) tetapi belum mendapat keputusan;
- 2.** adalah dilarang untuk hadir ke Mahkamah jika tidak mempunyai sebarang urusan;
- 3.** hendaklah memastikan penjarakan fizikal antara satu sama lain semasa berurusan di Mahkamah sentiasa dipatuhi;
- 4.** hendaklah sentiasa memakai pelitup muka semasa berada di dalam premis Mahkamah;
- 5.** hendaklah mengimbas kod QR aplikasi MySejahtera sebelum memasuki premis Mahkamah dan sebelum memasuki Mahkamah terbuka atau sebelum mengunjungi mana-mana fasiliti Mahkamah yang mempamerkan kod QR MySejahtera untuk diimbas. Pengguna Mahkamah yang tidak mempunyai aplikasi MySejahtera hendaklah mencatatkan nama dan suhu badan mereka dalam buku daftar yang disediakan;
- 6.** hendaklah mematuhi penandaan jarak fizikal yang telah dibuat di Mahkamah seperti di kantin, kaunter-kaunter Mahkamah, lif, Mahkamah terbuka dan lain-lain;
- 7.** hendaklah tidak berkumpul di kaunter-kaunter Mahkamah dan hanya seorang sahaja pengguna Mahkamah dibenarkan untuk berurusan di kaunter-kaunter Mahkamah pada satu-satu masa;
- 8.** tidak dibenarkan untuk berjumpa dengan banduan / Orang Kena Tuduh (OKT) dalam reman di mana-mana tempat di dalam premis Mahkamah kecuali di dalam Mahkamah terbuka. Walau bagaimanapun, tatacara ini tidak terpakai kepada penjamin yang diarahkan untuk menandatangani bon jamin;
- 9.** hanya dibenarkan untuk memasuki Mahkamah terbuka apabila kes mereka dipanggil dan keluar dari Mahkamah terbuka apabila kes selesai;
- 10.** digalakkan untuk menggunakan aplikasi e-Jamin bagi urusan pembayaran wang jamin; dan
- 11.** digalakkan untuk menggunakan *cash deposit machine* (CDM) atau saluran ePOS bagi urusan pembayaran denda.

TATACARA AM DI MAHKAMAH

1. Pintu Mahkamah terbuka akan mula dibuka pada jam 9.00 pagi atau pada waktu-waktu lain yang ditetapkan oleh pihak Mahkamah.
2. Pihak-pihak hendaklah duduk di tempat yang telah ditetapkan dalam Mahkamah terbuka dan mematuhi penandaan jarak fizikal yang telah dibuat.
3. Hanya seorang Timbalan Pendakwa Raya / Peguam Persekutuan / peguam dibenarkan untuk berada di Mahkamah terbuka melainkan jika mendapat pengecualian daripada Mahkamah.
4. Hanya dua orang ahli keluarga / kawan / kenalan tertuduh dibenarkan masuk ke Mahkamah Terbuka
5. Timbalan Pendakwa Raya / Peguam Persekutuan / peguam tidak dibenarkan untuk menghampiri meja jurubahasa semasa perbicaraan.
6. Pihak-pihak hendaklah hadir mengikut tarikh dan masa berperingkat yang telah ditetapkan oleh Mahkamah. Pihak-pihak tidak dibenarkan untuk berada di dalam Mahkamah terbuka sehingga kes mereka dipanggil.

LIPUTAN MEDIA

Liputan media adalah tidak dibenarkan semasa apa-apa prosiding Mahkamah. Namun, bagi kes-kes yang melibatkan kepentingan awam, Mahkamah boleh mempertimbangkan untuk menyediakan bilik bagi siaran langsung (*live feed*) dengan pematuhan terhadap jarak fizikal, pemakaian pelitup muka dan penggunaan *hand sanitizer*, atau menyediakan kemudahan liputan media melalui aplikasi *zoom*.

ARAHAN BERHUBUNG DENGAN WABAK COVID-19

Selain tatacara yang dinyatakan dalam SOP ini, pengguna Mahkamah hendaklah mematuhi apa-apa arahan berhubung dengan wabak COVID-19 yang dikeluarkan oleh MKN serta KKM dari semasa ke semasa apabila berurusan di Mahkamah.

PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI:

Tuan Azhaniz Teh bin Azman Teh
Pengarah

Bahagian Pembangunan Strategik dan Latihan
03-88809437 / 019-2184105

Puan Noor Azzah binti Abdul Aziz
Timbalan Pengarah

Bahagian Pembangunan Strategik dan Latihan
03-88804191 / 019-3880979

Tuan Nik Muizzuddin bin Nik Muhammad
Penolong Kanan Pendaftar

Bahagian Pembangunan Strategik dan Latihan
03-88804099 / 017-9194464

